

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK TAHUN 6

Bahasa Melayu

1 jam 15 minit

Nama	
Kelas	

ARAHAN:

1. Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.
2. Tulis nama dan nama kelas kamu pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.
4. Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1-10	10	
B	1	5	
	2	5	
C	1	10	
D	1	20	
Jumlah		50	

Kertas Ujian Percubaan

Bahagian A [10 markah]

Soalan 1 dan 2

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Bapa amat _____ akan kejayaan kakak memperoleh ijazah hingga menitikiskan air mata.
A. kurang gembira
B. tenang
C. sedih
D. bangga
2. Encik Saiful membeli _____ bentuk cincin untuk dihadiahkan kepada isterinya sempena ulang tahun perkahwinan mereka.
A. satu-satu
B. segala
C. satu
D. setengah

Soalan 3

3. Pilih ayat yang betul.
A. Jalan raya yang rosak akibat hakisan tanah telah dibaiki petang semalam.
B. Reka letak almari baharu itu memikat hati penggemar perabot.
C. Cermin mata ayah air ketika menonton filem yang sedih itu.
D. Puan Suraya menghidangkan sepinggan goreng pisang kepada ahli keluarganya.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Irfan dan keluarganya telah berkunjung ke tempat peranginan yang terletak di Raub, Pahang. Mereka bermalam di sebuah inap desa. Tempat peranginan yang berkonsepkan alam semula jadi, benar-benar telah menambat hati mereka sekeluarga. Mereka telah memilih aktiviti berakit sewaktu disana.

Ketika berakit, mereka menikmati pemandangan flora dan fauna di kiri dan di kanan sungai. Setelah hampir dua jam menyusuri sungai yang jernih airnya, mereka sampai di jeti semula. Sebelum pulang, mereka mengambil gambar keluarga sebagai kenangan.

4. Bagaimanakah suasana di tempat peranginan tersebut?
 - A. Rakit terdapat di kiri dan kanan sungai
 - B. Berkonsepkan inap desa
 - C. Air sungainya jernih
 - D. Terdapat aktiviti berkhemah
5. Pilih pernyataan yang benar tentang petikan.
 - A. Irfan sampai di jeti selepas pulang ke tempat peranginan.
 - B. Keluarga Irfan menikmati pemandangan flora dan fauna.
 - C. Irfan telah mengunjungi keluarganya di Raub, Pahang.
 - D. Keluarga Irfan menyusuri sungai selama 3 jam.
6. Berikut ialah aktiviti yang dilakukan oleh Irfan dan keluarganya berdasarkan petikan *kecuali*
 - A. menaiki rakit.
 - B. melihat flora dan fauna.
 - C. menyusuri sebatang sungai.
 - D. merakam gambar alam semula jadi.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam Bahan 1 dan Bahan 2 dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

Thomas memerhatikan ayahnya di garaj. Ketika itu ayahnya sedang memeriksa kereta.

"Ayah, apakah yang sedang ayah lakukan?" tanya Thomas.

"Ayah sedang memeriksa bunga tayar kereta sebelum kita memulakan perjalanan pulang ke kampung esok. Kita perlu memeriksa kenderaan supaya sentiasa berada dalam keadaan baik untuk keselamatan keluarga kita," jelas ayahnya.

"Betul ayah. Semalam kawan Thomas terjatuh dari basikalnya ketika menjalani aktiviti berbasikal kerana brek basikalnya tidak berfungsi," kata Thomas.

BAHAN 2

Program Berbasikal Selamat

Tempat: Kompleks Sukan Bangsar, Kuala Lumpur

Tarikh: 12 Ogos 2023

Hari: Ahad

Masa: 6:00 pagi hingga 11.00 pagi

Syarat Penyertaan:

- wajib memakai helmet
- basikal mempunyai brek yang berfungsi
- umur 9 tahun ke atas

Aktiviti menarik:

- kayuhan basikal sejauh 3km
- cabutan bertuah
- kempen keselamatan berbasikal

kemeja-T percuma bagi semua peserta

7. Kawan Thomas terjatuh dari basikalnya ketika
- A. pulang ke kampung.
 - B. memulakan perjalanan.
 - C. memerhati ayahnya di garaj.
 - D. menjalani aktiviti berbasikal.
8. Ketika itu ayahnya sedang memeriksa kereta.
Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah
- A. biji.
 - B. buah.
 - C. butir.
 - D. bentuk.
9. Perkataan **aktiviti** dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan
- A. kerja
 - B. tugas
 - C. kegiatan
 - D. tindakan
10. Pilih pernyataan yang benar tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
- A. Kayuhan basikal sejauh 3km akan diadakan di Kompleks Bangsar.
 - B. Ayah Thomas mendapat kemeja-T percuma semasa memeriksa kereta.
 - C. Kawan Thomas jatuh dari basikal kerana tidak pakai helmet.
 - D. Thomas menyertai Program Berbasikal Selamat.

Bahagian B [10 markah]

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Setiap kali cuti persekolahan bermula, Amiru akan meringankan beban ibu dan ayahnya di rumah. Setiap pagi, Amiru akan membantu ibunya mengemas rumah dan memasak.

Jika ada masa terluang, Amiru akan menolong ayahnya menjual kuih-muih di gerai mereka. Pada waktu malam pula, Amiru akan menyiapkan kerja-kerja sekolah yang diberikan oleh gurunya.

Amiru bersyukur kerana dapat berbakti kepada ibu dan ayahnya.

1. a) Amiru akan menolong ibunya melakukan kerja-kerja
_____ [1 markah]
- b) Bilakah Amiru akan menyiapkan kerja-kerja sekolah yang diberikan oleh gurunya?

_____ [2 markah]
- c) Gariskan satu kata kerja yang terdapat dalam ayat yang diberikan. [1 markah]

Jika ada masa terluang, Amiru akan menolong ayahnya menjual kuih-muih di gerai mereka.

- d) Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.
Amiru akan meringankan beban ibu dan ayahnya di rumah.

Beban ibu dan ayahnya di rumah akan diringankan oleh Amiru.	
Ibu dan ayahnya akan meringankan beban Amiru di rumah.	

[1 markah]

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan**.

2. Fahana telah menerima undangan rumah terbuka daripada kawan baiknya Noraini. Pada masa yang sama, Fahana perlu menjaga adik kerana ibunya perlu membawa nenek mereka yang demam ke klinik.

Pada pendapat kamu, apakah yang perlu Fahana lakukan?

[5 markah]